

AM

Portal eGUMIS Terima Anugerah "Malaysia Public Sector Initiative Of The Year"

🕒 20/06/2025 02:59 PM



Kredit : Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Portal eGUMIS yang dibangunkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dianugerahkan sebagai *Malaysia Public Sector Initiative of the Year* dalam GovMedia Conference & Awards 2025 yang berlangsung di Singapura semalam.

JANM memaklumkan anugerah peringkat Asia itu bertujuan mengiktiraf pencapaian cemerlang dan inovasi dalam pelaksanaan sistem digital oleh agensi-agensi kerajaan, khususnya yang memberikan manfaat langsung kepada rakyat.

"Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan penting terhadap komitmen JANM dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam melalui pendigitalan dan inovasi sistem," menurut JANM dalam kenyataan hari ini.

Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (WTD) Nawiah Mohet mewakili jabatan di bawah Kementerian Kewangan itu bagi menerima anugerah yang dianjurkan Charlton Media Group Pte Ltd.

Portal eGUMIS ialah sistem dalam talian untuk semakan dan tuntutan WTD yang mula diperkenalkan pada 2020 dan setakat 2024, hampir 5.7 juta pengguna mendapat manfaat daripada sistem ini dalam urusan berkaitan WTD.

"Transformasi digital inovatif ini bukan sahaja mempercepat penyampaian perkhidmatan, tetapi juga memastikan tahap ketelusan, ketepatan dan kepuasan rakyat yang lebih tinggi.

"Selain itu, pelaksanaan eGUMIS dengan keupayaan Proses Automasi Robotik (RPA) merupakan pencapaian di bawah Projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) sekali gus membuktikan komitmen JANM dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang rasmi dan berkesan rakyat," menurut kenyataan itu.

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

janm

akauntan

portal

wang tak dituntut

anugerah

BERITA BERKAITAN



PGDK Pengiktirafan Tertinggi Sabah Buat Diri Dan Bernama - Emin

🕒 21jam lalu



Bernama Rangkul Lapan Anugerah Hadiah Kewartawanan Malaysia 2024

🕒 1hari lalu



JPJ Terima Anugerah "Digital Transformation Of The Year - Transportation"

🕒 2hari lalu

LAGI BERITA



Isteri Premier Sarawak Puan Sri Juma'ani Meninggal Dunia

🕒 27minit lalu



Konflik Iran-Israel: 24 Individu Termasuk 17 Rakyat Malaysia Selamat Tiba Di KLIA

🕒 7jam lalu



UM Muncul Juara Debat Alam Sekitar Ke-31

🕒 8jam lalu



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]



helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- BernamaBiz
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Ramadan 1446H
- ASEAN 2025
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- MAPO
- MyCheck
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebut Harga / Tender
- Maklum Balas Pelanggan 2025